

Latihan 1 (Fahaman)

1. Kenapakah Lufti hendak berjumpa dengan Yazid?
2. Apakah yang dilakukan oleh Yazid selepas guru mengajar?
3. Dimanakah Yazid memberikan nota-nota Lufti?
4. Sebutkan 2 nilai murni yang ditunjukkan Yazid sepanjang cerita ini.
5. Bagi pendapat kamu, sifat apakah yang perlu ada pada seorang kawan yang baik?

Latihan 2 (Nilai murni)

Masukkan nilai-nilai murni dibawah ini berpandukan maksudnya.

Amanah	Empati	Jujur	Simpati	Ikhlas
	Tidak mengharapkan balasan atau hadiah dari orang melainkan dari Allah.			
	Memahami keadaan susah orang lain dan berusaha untuk membantu mereka.			
	Tidak berbohong, menipu atau menyembunyikan kebenaran.			
	Berasa kasihan terhadap kecelakaan orang lain.			
	Menjalankan tugas / permintaan yang diberikan dengan sempurna.			

Latihan 3 (Isikan tempat kosong)

Lengkapkan teks dibawah ini dengan perkataan-perkataan yang disediakan agar menjadi teks yang betul dan sempurna.

seorang	berharap	jujur	pertelingkahan	hampa
---------	----------	-------	----------------	-------

Orang yang baik ialah orang yang bersikap_____, menjaga amanah dan ikhlas dalam kebaikannya. Kita dilarang berbohong didalam Islam kerana berbohong itu boleh menyebabkan salah faham dan _____. Amanah yang dijaga dengan baik akan menjadikan kita _____yang lebih dipercayai. Dengan tidak mengharap balasan dari orang lain, kita tidak akan berasa _____ jika harapan kita tidak ditunaikan. Sebaliknya kita digalakkan untuk _____ kepada Allah SWT untuk balasan yang baik kerana Allah SWT lebih mengetahui apa yang lebih baik untuk kita.